

Headline **Polis digigit penagih jalani ujian HIV**
Date **09. Apr 2009** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **15**
Section **Nasional** Article Size **93** cm2
Circulation **192917** Frequency **Daily**
Readership **1521000** Color **Black/White**
AdValue **1272.68**



Polis digigit penagih jalani ujian HIV

KUALA LUMPUR: Seorang pegawai polis berpangkat Inspektor terpaksa menjalani ujian HIV/Aids akibat digigit seorang pengedar dadah, dipercayai juga penagih, dalam serbuan di pasar Chow Kit, di sini, awal pagi Isnin lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, Inspektor Luther Nurjip, 28, yang bertugas di Bahagian Siasatan Je-

nayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, cedera akibat ditikam dengan pisau lipat dan digigit di ibu jari tangannya ketika sedang menggaru pengedar berkenaan.

Akibat kecederaan itu, Luther menerima dua jahitan dan terpaksa menjalani saringan ujian HIV kerana dikhuatiri lelaki yang menggigitnya menghidap HIV/Aids.

Kejadian itu berlaku ketika Luther bersama seorang lagi pegawai juga berpangkat Inspektor dan enam anggota yang melakukan Operasi Tapis memasuki kawasan bagi menyiasat maklumat mengenai urusan jual beli dadah di pasar berkenaan.

"Kami bergegas ke lokasi itu dan mendapati lebih 10 lelaki dipercayai penagih dan pengedar dadah berada

di situ, termasuk seorang lelaki yang dikehendaki kerana kes dadah.

"Menyedari kehadiran polis menyebabkan mereka berpecah untuk melarikan diri dan kami juga berpecah untuk mengejar mereka. Saya berjaya menahan seorang lelaki yang diburu sejak minggu lalu sebelum berlaku pergelutan, dibantu dua anggota," katanya.